

Penangguhan sidang tidak jejas program

8 JUN 1991

SUBANG, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penangguhan mesyuarat Kumpulan Penilaian Peringkat Tinggi Komanwel yang dijadualkan di London minggu depan kepada Oktober ini, tidak menjejaskan program pembaharuan pertubuhan itu. Menurut Perdana Menteri, rancangan pembaharuan dicadangkan itu sudah siap di peringkat pegawai dan ketua negara Komanwel akan mengkaji laporannya sehari sebelum Sidang Kemuncak Harare, 16 dan 22 Oktober ini.

"Oleh kerana India tidak mempunyai Perdana Menteri, Australia tidak dapat hadir dan begitu juga Kanada, maka

mesyuarat itu tidak dapat mencapai matlamat.

"Ini tidak menjadi masalah kerana pegawai sudah merancang pembaharuan diperlukan. Jadi kita akan kaji laporan pegawai ini sehari sebelum mesyuarat di Harare," katanya menjawab soalan pemberita di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir sepatutnya mempengerusikan mesyuarat di London, mengulas mengenai pengumuman penangguhan itu oleh Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku di London, kelmarin.

Menurut Chief Anyaoku, perkembangan di Australia

dan peristiwa di India baru-baru ini menyebabkan mesyuarat itu ditangguh ke sekitar masa Sidang Kemuncak Harare.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, isu perebutan Pulau Sipadan di sempadan perairan Sabah dan Kalimantan Timur akan dibincangkan di peringkat Kerajaan Malaysia dan Indonesia.

"Ia adalah satu perkara yang sudah kita tentukan akan dirujuk di antara Indonesia dan Malaysia. Oleh itu, kita tidak perlu bincang perkara ini secara terbuka kerana dalam proses rundingan," katanya.